

Indeks Kebahagiaan perkasa perkhidmatan PBT

Kuala Lumpur: Pelaksanaan pengukuran Indeks Kebahagiaan di Malaysia adalah penting sebagai tanda aras dalam memperkasakan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT) kepada masyarakat, sekali gus menjamin kesejahteraan negara.

Dekan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Suhardi Maulan, berkata indikator ditetapkan seperti kemudahan awam serta penyediaan infrastruktur asas, mampu menjadi garis panduan dalam menyelesaikan masalah berbangkit dan seterusnya menambah baik kualiti kehidupan penduduk di sesebuah bandar.

“Di sesebuah bandar, PBT adalah agensi kerajaan paling rapat

dengan masyarakat, terutama dalam mengatasi segala masalah dihadapi penduduk seperti soal penjagaan kebersihan persekitaran, pengurusan sisa pepejal dan kutipan sampah yang berkesan serta teratur.

“Isu perbandaran seperti ini, walaupun dilihat kecil dan remeh, hakikatnya jika tidak ditangani dengan efisien akan menjejaskan emosi serta kualiti kehidupan penduduk,” katanya.

Baru-baru ini, Jabatan Perancangan dan Desa (PLANMalaysia) mengeluarkan senarai 80 daripada 114 PBT di Semenanjung dan Sabah mencapai skor Indeks Kebahagiaan 2021 melebihi 80 peratus, berdasarkan aspek berkaitan tahap dan kualiti perkhidmatan PBT seperti pen-

jagaan kebersihan persekitaran, pengurusan pepejal serta kutipan sampah.

Suhardi yang juga Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) berkata, jika dilihat dari sudut positif, Indeks Kebahagiaan itu juga membantu mengenal pasti kelebihan dan kelemahan setiap PBT melalui 14 indikator digariskan seperti tahap kehidupan dan kesihatan, keselamatan kawasan kediaman serta kemudahan awam.

Turut diambil kira ialah infrastruktur asas, Kebahagiaan



Suhardi Maulan

bersama keluarga dan saudara-mara serta keseronokan bekerja, pengurusan kewangan, hubungan dengan jiran, aktiviti bersama komuniti, perkhidmatan PBT dan pemimpin tempatan, serta kualiti alam sekitar.

“Pada masa sama, pentadbiran bandar juga harus bersedia menghadapi pertambahan jumlah penduduk, kerana menjelang 2030, keluasan bandar di Malaysia dijangka bertambah hingga 70 ke 80 peratus,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (Seni Bina dan

Reka Bentuk Bandar), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Dr Nurul Azreen Azlan, berkata tumpuan dan penambahbaikan perlu dibuat kepada aspek lebih konkrit seperti kemudahan awam serta kualiti alam sekitar.

“Sebagai contoh, persekitaran selamat serta kemudahan awam yang baik secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan tekanan, dan seterusnya meningkatkan kesihatan diri,” katanya.

Beliau berkata, persekitaran bandar besar berstatus bandar dan bandar raya yang lebih kompleks menjadikan tahap cabaran PBT untuk pengurusan persekitaran dan perkhidmatan adalah berbeza, selain faktor kos sara hidup serta hubungan komuniti.

BERNAMA